

14 OCT 1996

Muhammad-Setinggalan

TINDAKAN SEPADU ATASI MASALAH SETINGGAN

SHAH ALAM, 14 Okt (Bernama) -- Selangor akan mengemukakan laporan mengenai masalah setinggalan di negeri ini secepat mungkin kepada Jawatankuasa Kebangsaan Mengenai Masalah Setinggalan bagi membolehkan tindakan bersepadu dilaksanakan segera untuk mengatasinya.

Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib berkata, Selangor sudah pun mempunyai laporan lengkap mengenai setinggalan di negeri ini, yang dianggar sebanyak 50,000 keluarga dan hanya perlu mengemaskinikannya sebelum dikemukakan.

"Langkah di peringkat Pusat ini amat baik kerana selama ini masalah setinggalan lebih berupa masalah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sahaja," katanya kepada pemberita selepas majlis kesyukuran Umno Selangor di bangunan barunya di sini, hari ini.

Beliau berkata dengan langkah bersepadu itu masalah setinggalan, yang bukan sahaja terdiri daripada penduduk yang berhijrah dari dalam negara ke Lembah Klang tetapi juga dari luar negara seperti Indonesia, Bangladesh dan Myanmar, akan lebih cepat diatasi.

Mereka datang kerana terdapat peluang pekerjaan yang memerlukan tenaga mereka tetapi pada masa yang sama mereka menimbulkan pelbagai masalah sosial, katanya.

Muhammad berkata masalah itu boleh ditangani dengan cara penempatan semula dan mengawasi kemasukan serta pergerakan mereka dengan pihak majikan perlu lebih bertanggungjawab menyediakan tempat tinggal dan mengagih semula tenaga mereka bila tidak diperlukan lagi.

"Kalau tidak memerlukan tenaga mereka, majikan membiarkan mereka bebas bergerak dari satu sektor ke sektor lain yang lebih lumayan akhirnya mereka akan merebut kerja sesuka hati mereka termasuk berniaga...ini mesti diawasi," katanya.

Beliau berharap perbincangan mengenai masalah setinggalan di peringkat pusat itu kelak akan turut membincangkan kaedah mengagihkan semula tenaga kerja buruh asing dalam sektor yang dibenarkan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh semalam berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku pengerusi jawatankuasa kebangsaan itu akan mempengerusikan sendiri mesyuarat yang akan datang.

Mengenai setinggalan profesional yang mengaut untung dengan meneroka tanah di kawasan baru yang diketahui akan dibangunkan, Muhammad berkata mungkin mereka mempunyai hubungan dengan orang dalam di Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah.

"Seolah-olah ada sindiket menjalankannya apabila mereka ini mengambil kesempatan membuka kawasan di setiap tempat yang hendak dimajukan," katanya, sambil menambah Kerajaan Negeri akan mengawasi pergerakan mereka.

-- BERNAMA

MNY PR